

HELAH BELA DIRI WATAK PEMIMPIN SEBAGAI CERMINAN KRISIS KEPIMPINAN DALAM NOVEL *IMAM* KARYA SHAHNON AHMAD

Defense Mechanisms of Leadership Figures as a Reflection of the Leadership Crisis in Shahnon Ahmad's Novel Imam

Nordiana Hamzah*, Hasrina Baharum & Farra Humairah Mohd
Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA

*Corresponding Author: diana.azmi@fbk.upsi.edu.my

Diterima: 25 Feb. 2025; **Disemak semula:** 15 Mei 2025; **Diterima:** 28 Mei 2025; **Diterbitkan:** 30 Jun 2025

To cite this article (APA): Hamzah, N., Baharum, H., & Mohd, F. H. (2025). Helah Bela Diri Watak Pemimpin sebagai Cerminan Krisis Kepimpinan dalam Novel *Imam* Karya Shahnon Ahmad. *Jurnal Peradaban Melayu*, 20(1), 106-121. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.1.10.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.1.10.2025>

Abstrak

Kajian ini menganalisis helah bela diri (mekanisme pertahanan ego) sebagai cerminan krisis kepimpinan dalam novel *Imam* karya Shahnon Ahmad, dengan memberi tumpuan kepada watak utama, Imam Haji Mihad. Berasaskan Teori Psikoanalisis Freud dan Teori Kecerdasan Emosi Goleman yang digabungkan dengan Prinsip Kepimpinan Islam, kajian ini meneliti bentuk helah bela diri seperti *penafian*, *rasionalisasi*, *projeksi* dan *sublimasi* yang digunakan oleh watak untuk menyesuaikan diri dengan tekanan sosial, moral dan spiritual. Analisis mendapati tiga tema utama yang mencerminkan dinamika kepimpinan Islam, iaitu konflik ego–iman, ketidakseimbangan emosi–spiritual, dan kepimpinan tanpa empati. Imam Haji Mihad menggunakan helah bela diri untuk mempertahankan maruah diri dan autoriti kepimpinannya, namun tindakannya memperlihatkan pertentangan antara amanah dakwah dan keinginan mempertahankan kuasa. Kegagalannya mengawal emosi dan memahami psikologi masyarakat menyebabkan kepimpinannya tegas tetapi kehilangan dimensi empati dan rohani. Kajian ini menegaskan bahawa *Imam* menampilkan krisis kepimpinan Islam sebagai krisis psikospiritual, di mana kekuatan sebenar pemimpin bergantung kepada keseimbangan antara iman, emosi dan hikmah dalam menundukkan ego. Implikasinya, kajian ini memperluas tafsiran kepimpinan Islam melalui pendekatan psikoanalisis dengan menekankan keperluan membina model kepimpinan berasaskan keseimbangan psikologi dan spiritual bagi membentuk pemimpin yang lebih berjiwa insani dan beretika.

Kata kunci: helah bela diri, krisis kepimpinan, psikoanalisis Freud, kecerdasan emosi, kepimpinan Islam, Shahnon Ahmad

Abstract

This study analyzes ego-defense mechanisms as reflections of a leadership crisis in Shahnon Ahmad's novel Imam, focusing on the main character, Imam Haji Mihad. Grounded in Freud's Psychoanalytic Theory and Goleman's Emotional Intelligence Theory, integrated with Islamic Leadership Principles, this study examines the forms of defense mechanisms such as denial, rationalization, projection, and sublimation employed by the protagonist to adapt to social, moral, and spiritual pressures. The analysis identifies three major themes that encapsulate the dynamics of Islamic leadership, namely ego–faith conflict, emotional–spiritual imbalance, and leadership without empathy. Imam Haji Mihad's use of defense mechanisms serves to preserve his dignity and authority as a religious leader; however, his actions reveal inner tensions between the sincerity of his preaching mission and his desire to maintain social power. His inability to regulate emotions and empathize with the community portrays a leader who is intellectually assertive but spiritually detached. The study concludes that Imam portrays the Islamic leadership crisis as a psycho-spiritual struggle, emphasizing that true leadership strength lies not in rigid adherence to law, but in achieving balance between faith, emotion, and wisdom in mastering the ego. The implication of this study suggests a broader interpretive

framework for Islamic leadership through a psychoanalytic perspective, highlighting the need to construct a leadership model based on psychological and spiritual equilibrium to develop more empathetic and ethical leaders.

Keywords: *ego-defense mechanisms, leadership crisis, Freud's psychoanalysis, emotional intelligence, Islamic leadership, Shahnnon Ahmad*

PENGENALAN

Kepimpinan merupakan aspek penting dalam struktur sosial dan budaya, bukan sahaja dalam konteks politik dan pentadbiran, malah juga dalam ruang spiritual dan keagamaan. Dalam karya sastera, watak pemimpin sering dijadikan lambang perjuangan moral dan intelektual manusia. Novel *Imam* (1995) karya Shahnnon Ahmad, seorang Sasterawan Negara Malaysia, memaparkan konflik batin seorang pemimpin agama, Imam Haji Mihad, yang bergelut antara idealisme keagamaan dan realiti masyarakat yang penuh kontradiksi. Watak ini menghadapi tekanan moral dan sosial yang kompleks, menjadikan *Imam* wadah yang subur untuk dianalisis melalui kerangka teori psikoanalisis Sigmund Freud, khususnya konsep helah bela diri (*defense mechanisms*).

Dalam konteks teori Freud, helah bela diri ialah strategi tidak sedar yang digunakan oleh ego untuk mengatasi kecemasan dan konflik antara id (dorongan naluri), ego (kesedaran realiti), dan superego (moral dan nilai). Menurut Freud (1936), mekanisme ini melindungi kestabilan diri daripada tekanan emosi dan rasa bersalah. Aplikasi teori ini terhadap watak pemimpin seperti Imam Haji Mihad memberi tumpuan kepada cara beliau mengawal dorongan, menyesuaikan diri dengan norma sosial, dan mengekalkan imej kepimpinan yang berwibawa walaupun berhadapan dilema batin. Dalam tradisi sastera Melayu, watak pemimpin sering ditampilkan sebagai tokoh moral, tetapi Shahnnon Ahmad menggambarkan sisi psikologi yang lebih rumit iaitu pemimpin yang juga manusia, dengan kelemahan, keraguan, dan konflik jiwa.

Antara pengkaji seperti Md. Salleh Yaapar (1995) menegaskan bahawa karya Shahnnon Ahmad menggambarkan pergelutan nilai Islam dan realiti manusiawi, suatu tema yang membuka ruang luas bagi interpretasi psikologi dan spiritual. Menurut kedua-dua sarjana ini, Shahnnon tidak hanya menulis tentang konflik keagamaan, tetapi turut mengangkat persoalan eksistensial manusia Islam yang berjuang menyeimbangkan iman dengan kehendak sosial moden. Arah pemikiran ini kemudian diperluas melalui pendekatan psikoanalisis, khususnya teori Sigmund Freud (1936) yang meneliti dinamika id, ego, dan superego dalam diri manusia serta mekanisme pertahanan diri (*defense mechanisms*) yang digunakan untuk mengekalkan kestabilan psikologi.

Dalam konteks sastera Melayu, pendekatan Freudian ini telah diaplikasikan oleh Nordiana Hamzah dan Nur Atiq Syahirah Che Baharudin (2022) yang meneliti aspek bawah sedar (*unconscious motives*) watak melalui mekanisme seperti sublimasi, rasionalisasi, projeksi, penafian, dan represi. Kajian mereka menunjukkan bahawa helah bela diri digunakan oleh watak untuk menjustifikasi tindakan moral dan menyeimbangkan konflik antara naluri dan norma sosial. Dapatan tersebut mengesahkan bahawa teori Freud sesuai digunakan untuk memahami tekanan dalaman dan reaksi bawah sedar individu yang berhadapan dengan beban moral dan sosial.

Namun, walaupun analisis Freudian semakin mendapat tempat dalam sastera Melayu moden, kajian yang mengaitkan mekanisme pertahanan diri secara langsung dengan aspek kepimpinan masih terbatas. Dalam hal ini, novel *Imam* karya Shahnnon Ahmad menyediakan ruang yang signifikan untuk meneroka dimensi tersebut khususnya dalam memahami dilema etika, tekanan batin, dan konflik ego yang merujuk iman seorang pemimpin Islam seperti watak Imam Haji Mihad. Analisis berasaskan teori Freud bukan sahaja memperjelas bagaimana helah bela diri berfungsi sebagai alat pelindung ego, tetapi juga membantu menyingkap sisi manusiawi kepimpinan Islam yang sering tersepit antara amanah, emosi dan realiti masyarakat Melayu moden. Objektif kajian dalam makalah ini ialah:

Menganalisis bentuk-bentuk helah bela diri yang digunakan oleh watak Imam Haji Mihad dalam menghadapi konflik peribadi dan sosial, serta hubungannya dengan krisis kepimpinan agama yang digambarkan pengarang.

Menilai keseimbangan antara emosi, ego, dan nilai spiritual watak Imam Haji Mihad dalam konteks kepimpinan Islam.

KAJIAN LITERATUR

Mekanisme Bela Diri (Defense Mechanisms) dalam Psikoanalisis Freud

Teori Sigmund Freud tentang mekanisme pertahanan diri (*defense mechanisms*) telah menjadi asas dalam kajian psikologi sastera dan psikologi kepimpinan. Freud mencadangkan bahawa ego menggunakan pelbagai helah tidak sedar untuk melindungi diri daripada konflik antara id dan superego, terutamanya apabila menghadapi tekanan batin, rasa bersalah atau kecemasan. Kajian moden dalam psikologi naratif menegaskan bahawa kajian terhadap mekanisme pertahanan Freud bukan semata-mata relevan untuk analisis individu tetapi juga mengungkap dinamik psikologi watak dalam teks sastera, khususnya cara-cara watak menangani konflik peribadi dan sosial.

Walaupun kajian awal seperti Vaillant (1992) dan Cramer (1998) telah memetakan pelbagai jenis mekanisme pertahanan, kajian lebih kontemporari menunjukkan hubungan antara mekanisme ini dengan *fungsi sosial dan peranan watak*, termasuk watak dengan status kuasa atau kepimpinan. Kajian-kajian ini menekankan bahawa mekanisme seperti rasionalisasi, sublimasi, penafian dan projeksi bukan sahaja melindungi ego tetapi juga mencerminkan *strategi adaptif dan maladaptif* dalam konteks peranan sosial yang lebih luas.

Kajian psikologi emosi dalam sastera Melayu juga telah dijalankan oleh Nordiana Hamzah dan Azhar Wahid (2017). Dalam kajian mereka terhadap *Hujan Sudah Teduh* oleh Zaharah Nawawi, iaitu emosi takut watak ditafsir melalui kerangka psikologi emosi adaptasi yang memberi penekanan kepada perkembangan emosi bawah sedar serta respons watak terhadap tekanan yang menunjukkan bahawa mekanisme helah bela diri dalam analisis watak semakin relevan dalam kajian sastera Melayu moden.

Kepimpinan dalam Wacana Sastera Melayu dengan Islam

Dalam tradisi sastera Melayu Islam, kepimpinan sering dikaitkan dengan konsep amanah, tanggungjawab, dan keseimbangan antara akal serta rohani. Penulis Melayu seperti Shahnnon Ahmad, A. Samad Said dan Anwar Ridhwan menjadikan karya mereka sebagai wadah untuk menilai nilai moral pemimpin dan hubungan mereka dengan masyarakat. Menurut Mohd. Yusof Hasan (2013) dalam artikelnya *Kepimpinan dalam Sastera Melayu dan Islam: Antara Etika dan Kuasa*, karya sastera Melayu-Islam tidak hanya mengkritik sistem kepimpinan yang lemah, tetapi juga menggambarkan konflik jiwa pemimpin apabila berhadapan dengan godaan kuasa dan kejatuhan moral.

Konsep kepimpinan Islam yang digarap melalui sastera juga mencerminkan prinsip *al-amanah* (tanggungjawab) dan *al-adl* (keadilan) seperti yang ditegaskan oleh al-Mawardi dalam *Adab al-Dunya wa al-Din*. Ini bermakna, analisis sastera terhadap kepimpinan perlu memahami dimensi spiritual, etika dan psikologi pemimpin, bukan semata-mata fungsi sosialnya.

Kepimpinan dalam Karya Shahnnon Ahmad

Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad ialah antara penulis yang paling banyak memperkatakan soal kepimpinan, khususnya dalam kerangka Islam, moral dan politik. Melalui karya-karya seperti *Imam*, *Tok Guru*, *Tunggul-Tunggul Gerigis* dan *Sutan Baginda*, beliau memperlihatkan watak pemimpin yang berada dalam konflik antara idealisme Islam dan realiti politik Melayu.

Menurut Arba'ie Sujud, Salihah Razak dan Siti Rabiatul Adawiyah (2015) dalam makalah *Pemikiran Politik: Pemimpin dan Kepimpinan dalam Novel Shahnnon Ahmad* (UMK Institutional Repository), Shahnnon mengangkat persoalan krisis moral pemimpin agama dan politik sebagai refleksi terhadap ketidakseimbangan antara niat spiritual dan tindakan sosial. Penulis menyimpulkan bahawa *Imam* ialah alegori kepada pemimpin yang gagal menegakkan idealisme Islam kerana terperangkap dalam kepentingan peribadi, tekanan sosial, dan keangkuhan moral.

Kajian tersebut menggunakan pendekatan analisis tema dan moral, dan mendapati bahawa Shahnnon menggunakan watak Imam Haji Mihaad untuk menyingkap ironi kepimpinan agama iaitu pemimpin yang sepatutnya menjadi pembimbing rohani, tetapi akhirnya menjadi simbol kejatuhan spiritual. Penulis menegaskan bahawa novel ini mencerminkan krisis keabsahan moral dalam kalangan pemimpin Islam moden yang cenderung kepada simbolisme agama berbanding penghayatan nilai sebenar.

Watak Pemimpin sebagai Cerminan Diri dan Masyarakat

Beberapa sarjana menegaskan bahawa kepimpinan dalam sastera Melayu Islam tidak boleh dilihat secara tunggal; malah perlu dibaca sebagai cerminan hubungan timbal balik antara diri (*self*), masyarakat, dan Tuhan. Menurut Arba'ie Sujud, Salihah Razak dan Siti Rabiatul Adawiyah (2015), watak pemimpin dalam karya Shahnnon Ahmad sering digambarkan menanggung beban tanggungjawab spiritual yang tidak dapat dipikul sepenuhnya oleh rasional semata-mata. Watak Imam Haji Mihaad dalam *Imam* misalnya, memperlihatkan konflik intrapersonal antara kehendak dakwah dan keinginan mengekalkan wibawa sosial. Kajian tersebut yang menggunakan pendekatan kritikan Islam dan psikologi moral mendapati bahawa kegagalan Imam berpunca daripada kelemahan beliau menyeimbangkan kuasa, emosi dan iman.

Dapatan ini turut selaras dengan pandangan Mohd. Yusof Hasan (2013) dan Shafie Abu Bakar (2019) yang menegaskan bahawa dalam kesusasteraan Islam, pemimpin bukan maksum tetapi manusia biasa yang berdepan ujian antara nilai spiritual dan nafsu keakuan. Shahnnon melalui *Imam* berjaya menampilkan realiti ini dengan mendalam, memaparkan pemimpin yang ingin menegakkan kebenaran Islam namun terikat oleh ujub, ego dan beban amanah rohani.

Kepimpinan Islam iaitu Etika dan Tanggungjawab Sosial

Dalam konteks Islam, kepimpinan dilihat sebagai amanah dan ujian, bukan keistimewaan. Konsep ini turut dikembangkan dalam penulisan akademik sastera Melayu. Menurut Shafie Abu Bakar (2019) dalam bukunya *Sastera Islam dan Kepimpinan Umat*, karya sastera Islam seperti *Imam* berperanan mendidik masyarakat untuk menilai kualiti spiritual dan moral pemimpin, bukan semata-mata retorik keagamaan. Shafie menegaskan bahawa Shahnnon Ahmad menulis *Imam* bukan untuk menyerang institusi agama, tetapi untuk mendedahkan keperluan muhasabah dalam kepimpinan Islam.

Beliau menjelaskan bahawa watak Imam Haji Mihaad berfungsi sebagai “cermin jiwa umat” namun pemimpin yang pada luaran tampak beriman, tetapi di dalamnya terperangkap antara ego, rasa bersalah dan tekanan masyarakat. Pendekatan ini menjadikan Shahnnon pelopor kepada genre sastera kepimpinan Islam psikologikal, yang menggabungkan aspek moral dan introspektif.

Kajian Kepimpinan dan Psikologi Watak

Walaupun kebanyakan kajian terdahulu menilai kepimpinan dari sudut moral dan sosial, terdapat usaha awal untuk meneroka dimensi psikologi kepimpinan. Misalnya, Nordiana Hamzah, Hasrina Baharum & Farra Humairah Mohd (2024) dalam artikel mereka *Emotional Analysis of the Leader in the IMAM Novel Based on Daniel Goleman's Theory of Emotional Intelligence* meneliti emosi watak Imam Haji Mihaad menggunakan teori kecerdasan emosi Goleman (1995). Dapatan kajian menunjukkan bahawa kegagalan Imam Haji Mihaad mengawal emosi dan empati menyebabkan krisis komunikasi dan pengurusan konflik dalam kepimpinannya.

Walaupun fokus artikel tersebut ialah emosi, bukan struktur kepimpinan, ia memperkukuh hujah bahawa ketidakseimbangan emosi dan moral merupakan faktor utama krisis kepimpinan agama dalam teks Shahnnon Ahmad. Ini membuktikan bahawa pendekatan psikologi dapat memperluas tafsiran terhadap makna kepimpinan Islam dalam sastera Melayu moden.

Namun, masih terdapat jurang teori yang belum diterokai, iaitu penerapan teori psikoanalisis Sigmund Freud (1936) bagi memahami mekanisme pertahanan psikologi (*defense mechanisms*) pemimpin Islam dalam sastera Melayu. Pendekatan ini dapat memperjelas bagaimana helah bela diri (denial, rasionalisasi, projeksi) berfungsi dalam diri Imam Haji Mihad ketika berdepan tekanan moral dan sosial. Dengan itu, kajian ini berpotensi memberi sumbangan baharu terhadap teori kepimpinan Islam berasaskan psikologi watak, memperkayakan tafsiran terhadap karya Shahnnon Ahmad dari sudut -sastera.

METODOLOGI

Metodologi kajian ini berpaksikan pendekatan kualitatif berbentuk analisis teks (*textual analysis*) yang memberi tumpuan terhadap unsur psikologi, emosi dan spiritual watak pemimpin dalam novel Imam karya Shahnnon Ahmad. Pendekatan ini digunakan kerana analisis terhadap helah bela diri, konflik dalaman dan nilai kepimpinan memerlukan penafsiran kontekstual serta simbolik yang mendalam dan selaras dengan sifat karya sastera yang kompleks dan berlapis makna.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk analisis kualitatif deskriptif interpretatif.

Kaedah ini digunakan bagi meneliti bagaimana pengarang membentuk watak Imam Haji Mihad melalui konflik batin, emosi dan tindakan moral. Analisis dilakukan dengan menafsir teks berdasarkan kerangka teori gabungan Freud (psikoanalisis), Goleman (kecerdasan emosi) dan konsep kepimpinan Islam (nilai amanah, adil dan taqwa). Kajian ini tidak berasaskan data kuantitatif, tetapi bergantung kepada interpretasi teks secara sistematik, berasaskan bukti petikan, naratif dan dialog dalam novel.

Bahan Kajian terdiri daripada dua aspek iaitu bahan utama yang merupakan novel *Imam* karya Shahnnon Ahmad (1995), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur dan bahan sokongan iaitu artikel ilmiah, tesis dan buku yang membincangkan aspek kepimpinan, psikologi dan agama dalam karya Shahnnon Ahmad.

Pendekatan dan Kaedah Analisis

Kajian ini menggunakan analisis kandungan tematik (*thematic textual analysis*), iaitu teks dibaca secara mendalam untuk mengenal pasti tema, simbol dan tindakan watak yang menggambarkan helah bela diri serta krisis kepimpinan.

Proses analisis dijalankan melalui tiga peringkat utama:

Peringkat 1: Pengenalpastian Data Teksual

Meneliti bahagian-bahagian teks yang memperlihatkan konflik dalaman watak Imam Haji Mihad, termasuk monolog, dialog, atau naratif dalaman. Menandakan petikan yang menunjukkan reaksi emosi, penafian, rasionalisasi, projeksi dan bentuk pertahanan psikologi lain.

Peringkat 2: Pengelasan dan Penafsiran Psikologi

Mengklasifikasikan data yang dikenal pasti kepada kategori helah bela diri Freud seperti:

Denial (penafian), *Rationalization* (rasionalisasi), *Projection* (projeksi), dan *Sublimation* (sublimasi).

Peringkat 3: Sintesis Emosi dan Nilai Kepimpinan Islam

Menghubungkan dapatan psikologi dengan domain kecerdasan emosi Goleman (1995):

Self-awareness, self-regulation, motivation, empathy, social skills

Menilai semula tindakan Imam berdasarkan nilai kepimpinan Islam (amanah, adil, taqwa) menurut Shafie Abu Bakar (2019). Hasil analisis ini digunakan untuk membina model interpretasi kepimpinan Islam psikospiritual, iaitu gabungan antara tekanan emosi, pertahanan diri dan krisis moral.

Kaedah Pengesahan dan Kebolehppercayaan

Rujukan silang akademik iaitu dapatan dibandingkan dengan kajian sedia ada seperti Arba'ie et al. (2015) dan Nordiana et al. (2024) bagi memastikan keselarasan penafsiran.

Analisis kontekstual:

Semua interpretasi dikaitkan dengan konteks sosial dan budaya masyarakat Melayu dan Islam, agar tidak terpisah daripada semangat teks.

DAPATAN

Bentuk-bentuk helah bela diri yang digunakan oleh watak Imam Haji Mihad dalam menghadapi konflik peribadi dan sosial serta hubungannya dengan krisis kepimpinan agama. Berdasarkan pembacaan terperinci terhadap teks *Imam*, watak Imam Haji Mihad didapati memperlihatkan beberapa mekanisme pertahanan diri sebagaimana diuraikan oleh Sigmund Freud (1936). Mekanisme ini berfungsi untuk melindungi ego daripada tekanan batin, rasa bersalah dan pertentangan moral antara prinsip keagamaan dan realiti sosial. Analisis ini mengenal pasti tiga bentuk utama helah bela diri iaitu *rasionalisasi*, *penafian*, dan *projeksi* yang menggambarkan krisis dalaman kepimpinan Islam dalam diri watak Imam.

Rasionalisasi (*Rationalization*)

Petikan 1

“Kerana aku saudaramu, walau satu sen pun aku mesti bayar. Itu hak kau,” jawab Haji Mihad sambil menyerahkan not sepuluh ringgit kepada Mohidin.

Dalam situasi ini, Haji Mihad menggunakan rasionalisasi sebagai mekanisme untuk menjustifikasikan tindakannya yang tegas terhadap Mohidin. Beliau menegaskan bahawa pembayaran adalah “hak” dan bukan sedekah, walaupun Mohidin sendiri tidak mengharapkannya. Rasionalisasi ini memperlihatkan keinginan bawah sadar untuk menegaskan wibawa moralnya sebagai pemimpin, sambil mempertahankan imej diri yang tidak mahu dilihat mengambil kesempatan.

Namun, tindakan ini juga menggambarkan ketegangan antara idealisme dan empati. Haji Mihad menggunakan prinsip agama sebagai hujah logik bagi menutupi rasa tidak selesa terhadap hubungan sosial yang mungkin mencabar autoritinya. Dalam kerangka psikoanalisis Freud, tindakan ini menunjukkan ego Imam cuba mengawal tekanan superego (moral agama) dengan justifikasi intelektual iaitu suatu bentuk rasionalisasi yang memperkukuh autoriti kepimpinan diri, tetapi melemahkan keintiman sosial. Dari sudut implikasi kepimpinan, watak Imam menunjukkan kecenderungan mempergunakan logik agama untuk mempertahankan imej pemimpin ideal, bukan semestinya kerana keinsafan rohani. Hal ini mencerminkan krisis kepimpinan apabila rasional agama bertukar menjadi alat mempertahankan ego.

Penafian (Denial)

Petikan 2

“Dia mengaku. Isi khutbah itu menurut pendapatnya tidak sesuai lagi dengan zaman sains dan teknologi sekarang ini... Dia takut akan kemurkaan Allah kerana isi kitab suci-Nya akan menjadi bahan olok-olokan.”

Dalam petikan ini, Haji Mihad menolak arahan pihak majlis untuk membaca teks khutbah rasmi dan memilih untuk menulis sendiri. Walaupun keputusannya berasaskan niat dakwah, terdapat unsur penafian (denial) terhadap struktur autoriti agama yang lebih tinggi daripadanya. Penafian di sini berlaku apabila Imam enggan menerima batas tanggungjawab di bawah pengawasan pihak berkuasa agama kerana beliau percaya dirinya lebih memahami kehendak Tuhan dan masyarakat.

Menurut Freud (1936), penafian ialah mekanisme bawah sedar yang menolak realiti yang tidak selari dengan kehendak ego. Haji Mihad menolak hakikat bahawa sistem keagamaan bersifat hierarki dan kolektif, lalu mengasingkan dirinya sebagai pemimpin berkarisma tunggal. Sikap ini menimbulkan krisis kepemimpinan agama, kerana dia meletakkan kepercayaan mutlak pada tafsir peribadi, menolak bimbingan organisasi, dan akhirnya mewujudkan konflik antara agama sebagai sistem dan individu sebagai pelaksana. Implikasi kepemimpinan dalam petikan ini ialah penafian terhadap struktur autoriti menyebabkan watak Imam Haji Mihad bertindak sendirian dalam menafsir kebenaran agama. Hal ini mencerminkan krisis egoistik pemimpin yang meyakini bahawa hanya dirinya mempunyai tafsiran paling sahih terhadap kebenaran.

Projeksi (Projection)

Petikan 3

“Kata pak imam muzik dan lagu itu boleh dijadikan dakwah. Kami ingat bagus juga ikut kata pak imam itu, daripada macam sekarang ini... Pak imam sekarang ini suka muzik, tak macam tok imam kita dulu.”

Dialog ini memperlihatkan persepsi masyarakat terhadap Imam Haji Mihad yang berubah daripada imej konservatif kepada lebih liberal. Namun, perubahan ini juga boleh ditafsir sebagai projeksi (*projection*) iaitu usaha bawah sedar Haji Mihad untuk memindahkan keinginan atau tekanan emosi dalam dirinya kepada orang lain.

Dengan membenarkan muzik dijadikan dakwah, Imam sebenarnya memprojeksi kan kehendak batin untuk diterima oleh masyarakat moden tanpa menampakkan dirinya sebagai lemah atau tidak relevan. Menurut teori Freud, projeksi berlaku apabila seseorang menolak dorongan yang tidak selaras dengan superego (moral) lalu menyalurkan dorongan itu keluar dalam bentuk rasional atau simbolik. Dalam konteks ini, muzik dijadikan “bahasa agama baharu” untuk menutup rasa bersalah terhadap perubahan diri. Oleh itu, implikasi kepemimpinan dalam petikan ini ialah projeksi yang menggambarkan konflik antara konservatisme dan modernisme Islam dalam diri Imam Haji Mihad. Peristiwa ini juga menunjukkan cara-cara pemimpin menggunakan rasional moral untuk menutupi perubahan nilai diri dan menjadikan kepemimpinan agama terdedah kepada tafsiran popular dan kontroversi sosial.

Sublimasi (Sublimation)

Petikan 5

“Dia tidak berapa suka orang duduk berdoa 24 jam di masjid... Allah lebih suka memberikan rezeki kepada hamba-Nya melalui tangan hamba-Nya sendiri.”

Petikan 6

“Orang kampung ini pergi berjumpa dengannya minta doa supaya turun hujan. Tetapi Haji Mihad ajak orang kampung buat irigasi.”

Kedua-dua petikan ini memperlihatkan bagaimana Imam Haji Mihad menyalurkan dorongan batin ke arah tindakan sosial positif, satu bentuk sublimasi menurut Freud. Beliau mengubah tekanan psikologi (rasa tidak puas hati terhadap sikap pasif masyarakat) kepada aktiviti sosial dan ekonomi yang dianggap lebih produktif.

Namun, sublimasi ini juga memperlihatkan konflik dalaman antara idealisme dan penerimaan sosial. Walaupun pendekatan Imam berasaskan logik rasional agama, masyarakat melihatnya sebagai penyimpangan daripada norma. Ini menunjukkan bahawa mekanisme sublimasi hanya berjaya pada tahap individu, tetapi gagal diterima secara kolektif. Oleh itu, implikasi kepimpinan merujuk kepada Imam Haji Mihad dilihat berjaya mengawal konflik batin melalui tindakan sosial, tetapi gagal membina empati dan komunikasi berkesan. Helah ini menjadikan beliau terasing walaupun niatnya murni cerminan krisis kepimpinan Islam moden yang berjuang antara visi rasional dan realiti masyarakat tradisional.

Rasionalisasi dan Konflik Emosi Batin

Petikan 4

“Haji Mihad melihat ke kiri dan ke kanan... cuba mengongkong perasaan halus itu kerana tidak baik berprasangka serupa itu.”

Petikan ini walaupun ringkas, memperlihatkan pergolakan batin Imam — beliau cuba menolak perasaan marah dan curiga dengan alasan moral (“tidak baik berprasangka”). Tindakan ini menggambarkan rasionalisasi diri secara mikro, iaitu beliau menggunakan nilai agama untuk mengawal perasaan negatif. Ini menunjukkan kesedaran moral tinggi, namun pada masa sama mendedahkan tekanan emosi bawah sedar yang tidak diselesaikan dengan empati, hanya dengan penindasan emosi.

Implikasi kepimpinan:

Rasionalisasi mikro seperti ini menunjukkan bahawa pemimpin Islam yang terlalu menekan perasaan atas nama “kesabaran” berisiko mengalami tekanan emosi berpanjangan menjadikan kepimpinan mereka kaku, formal dan kurang empati terhadap realiti masyarakat.

Rumusan Dapatan (Objektif 1)

Berdasarkan enam petikan di atas, dapat dirumuskan bahawa watak Imam Haji Mihad menggunakan pelbagai bentuk helah bela diri untuk mengekalkan keseimbangan ego dan imej kepimpinan agamanya. Namun, mekanisme ini juga memperlihatkan ketegangan antara kejujuran spiritual dan rasionalisasi ego, yang akhirnya membentuk krisis kepimpinan Islam sebagaimana digambarkan Shahnnon Ahmad.

Jenis Helah Bela Diri	Manifestasi dalam Tindakan Imam	Implikasi terhadap Kepimpinan
Rasionalisasi	Menjustifikasi tindakan dengan hujah agama (Petikan 1, 5, 4)	Menunjukkan ego pemimpin mempertahankan imej diri
Penafian	Menolak autoriti agama dan hierarki organisasi (Petikan 2)	Krisis autoriti dan penentangan terhadap sistem
Projeksi	Menyalurkan tekanan diri kepada masyarakat (Petikan 3)	Pemimpin kehilangan objektiviti terhadap dirinya

Watak Imam Haji Mihad menggunakan helah bela diri bukan semata-mata untuk menipu diri, tetapi sebagai alat mempertahankan nilai dan maruah kepimpinan agama. Namun, apabila mekanisme ini berlebihan, ia menzahirkan krisis moral dan spiritual, menunjukkan bahawa pemimpin agama juga manusia biasa yang berhadapan dengan konflik ego, idealisme dan tekanan sosial.

DAPATAN KAJIAN: OBJEKTIF 2

Keseimbangan antara emosi, ego, dan nilai spiritual watak Imam Haji Mihad dalam konteks kepimpinan Islam.

Watak Imam Haji Mihad digambarkan Shahnnon Ahmad sebagai seorang pemimpin agama yang berilmu dan berprinsip, namun terperangkap dalam konflik emosi dan spiritual yang halus. Berdasarkan teori Kecerdasan Emosi Goleman (1995), terdapat lima domain utama yang menentukan kestabilan emosi seseorang pemimpin, iaitu kesedaran diri, kawalan diri, motivasi, empati dan kemahiran sosial.

Apabila teori ini digabungkan dengan prinsip kepimpinan Islam (amanah, adil, taqwa, ihsan), dapat dikenal pasti bahawa ketidakseimbangan antara emosi dan spiritualiti menjadi punca utama krisis kepimpinan Imam Haji Mihad.

Kesedaran Diri (Self-Awareness): Antara Ilmu dan Ego

Petikan 2

“Dia mengaku. Isi khutbah itu menurut pendapatnya tidak sesuai lagi dengan zaman sains dan teknologi sekarang ini... Dia takut akan kemurkaan Allah kerana isi kitab suci-Nya akan menjadi bahan olok-olokan.”

Dalam petikan ini, Imam Haji Mihad menunjukkan tahap kesedaran diri (self-awareness) yang tinggi terhadap tanggungjawab agamanya. Beliau sedar bahawa khutbah rasmi yang dibekalkan oleh majlis agama tidak sesuai dengan konteks semasa dan berpotensi memperlekehkan nilai Islam.

Namun, kesedaran ini disertai dengan unsur ego moral, beliau meyakini hanya dirinya memahami “kebenaran sebenar”. Menurut Goleman (1995), kesedaran diri yang tidak diimbangi dengan kerendahan hati akan melahirkan arrogant awareness, iaitu kesedaran yang membawa kepada penolakan terhadap pihak lain.

Dari perspektif kepimpinan Islam, tindakan Imam yang menulis khutbah sendiri adalah wajar jika didorong oleh taqwa dan keikhlasan, tetapi boleh dianggap menyimpang jika disertai takabbur intelektual. Maka, petikan ini menunjukkan kesedaran diri tanpa penyelarasan spiritual iaitu Imam sedar tanggungjawabnya, tetapi gagal menilai batas autoriti.

Imam memiliki keinsafan rohani, tetapi kesedaran itu diganggu oleh kepercayaan bahawa hanya dirinya mampu membawa perubahan. Ini menandakan ketidakseimbangan antara ilmu dan tawaduk, menyebabkan kepimpinannya tampak benar tetapi kehilangan keberkatan spiritual.

Kawalan Diri (Self-Regulation): Mengawal Emosi dengan Rasional

Petikan 4

“Haji Mihad melihat ke kiri dan ke kanan... cuba mengongkong perasaan halus itu kerana tidak baik berprasangka serupa itu.”

Petikan ini memperlihatkan Imam Haji Mihad berusaha mengawal emosi dengan berpandukan nilai agama. Beliau menahan rasa marah dan prasangka apabila berhadapan dengan situasi kecil (drebar lori yang sengaja menekan minyak).

Menurut Goleman, kawalan diri ialah keupayaan mengekang tindak balas spontan agar seiring dengan nilai diri. Imam berjaya menahan emosi tersebut melalui pertimbangan moral — tanda bahawa beliau memiliki kawalan diri berasaskan spiritual.

Namun, dari sisi psikologi kepimpinan, tindakan ini juga menonjolkan kecenderungan represi (penindasan emosi). Imam tidak menyuarakan ketidakpuasan hati, hanya menekan perasaan itu dengan alasan agama. Dalam jangka panjang, represi seperti ini boleh menimbulkan tekanan dalaman yang mengganggu kestabilan kepimpinan. Kawalan diri Imam berpaksikan nilai Islam (tidak berprasangka), tetapi terlalu kaku dan tidak diimbangi dengan *ventilasi emosi yang sihat*. Hal ini menyebabkan beliau berdisiplin tetapi tidak fleksibel, satu ciri pemimpin yang beretika tetapi sukar didekati.

Empati (Empathy): Kelemahan dalam Menyelami Jiwa Masyarakat

Petikan 6

“Orang kampung ini pergi berjumpa dengannya minta doa supaya turun hujan. Tetapi Haji Mihad ajak orang kampung buat irigasi. Hampir semua orang tidak mahu dengar kata-kata Haji Mihad itu.”

Petikan ini dengan jelas memperlihatkan kegagalan Imam dalam membina empati sosial. Walaupun niatnya baik iaitu mengajak masyarakat berusaha secara rasional namun pendekatannya terlalu logikal dan kurang memahami sensitiviti keagamaan masyarakat.

Dalam kerangka Goleman, empati bermaksud keupayaan memahami emosi dan pandangan orang lain. Imam menilai masalah masyarakat secara rasional (akal), bukan emosional (hati). Bagi masyarakat kampung yang masih berpegang kepada adat spiritual seperti *doa dan sembahyang hajat*, tindakan Imam dianggap dingin dan jauh dari jiwa rakyat.

Menurut prinsip kepimpinan Islam, empati ialah cerminan ihsan iaitu memahami jiwa ummah dengan belas kasihan. Kelemahan empati menjadikan Imam berjarak dengan pengikutnya, walaupun secara intelektual beliau benar.

Imam memiliki visi rasional dan progresif, tetapi kehilangan empati terhadap akar budaya umat. Maka, krisis kepimpinannya bukan kerana salah tindakan, tetapi kerana kekeringan emosi dan komunikasi.

Motivasi dan Tanggungjawab Spiritual

Petikan 5

“Dia tidak berapa suka orang duduk berdoa 24 jam di masjid... Allah lebih suka memberikan rezeki kepada hamba-Nya melalui tangan hamba-Nya sendiri.”

Petikan ini menunjukkan motivasi spiritual Imam Haji Mihad yang tinggi. Beliau menyeru umat agar berusaha secara aktif dan menolak kebergantungan pasif terhadap takdir. Dari sudut Goleman, ini mencerminkan motivasi dalaman (intrinsic motivation) yang berpaksikan nilai iman iaitu keinginan memperbaiki nasib umat sebagai ibadah.

Namun, motivasi ini tidak diiringi dengan kemahiran sosial. Beliau gagal mengubah aspirasi menjadi inspirasi, kerana mesejnya disampaikan secara menghakimi, bukan mendidik. Dalam Islam, motivasi kepimpinan mesti disertai dengan hikmah dan kelembutan (qaulan layyinan) agar diterima masyarakat.

Motivasi Imam tinggi dari aspek rohani dan idealisme, tetapi lemahnya pendekatan komunikasi menjadikan mesejnya tidak menghidupkan hati masyarakat. Hal ini mencerminkan jurang antara semangat kepimpinan dan strategi dakwah.

Kemahiran Sosial (Social Skills): Kepimpinan yang Terasing

Petikan 3

“Kata pak imam muzik dan lagu itu boleh dijadikan dakwah... Pak imam sekarang ini suka muzik, tak macam tok imam kita dulu.”

Dialog masyarakat ini menunjukkan bahawa Imam Haji Mihad cuba menyesuaikan gaya kepimpinannya dengan realiti semasa, namun perubahan ini tidak difahami secara positif oleh masyarakat. Hal ini menandakan kelemahan dalam kemahiran sosial dan komunikasi, salah satu domain penting dalam teori Goleman.

Imam berhasrat mendekatkan agama dengan budaya moden melalui muzik, tetapi gagal mengurus persepsi masyarakat. Dalam konteks kepimpinan Islam, kemahiran sosial ialah kebolehan menyampaikan dakwah dengan hikmah, menyesuaikan pendekatan tanpa menjejaskan prinsip. Kegagalan Imam membina kefahaman bersama menyebabkan wujud jurang antara *pemimpin yang berilmu* dengan *umat yang tidak bersedia berubah*.

Imam memiliki visi progresif, tetapi tidak memiliki keanjalan sosial. Gaya komunikasinya menonjolkan ketegasan tanpa kehangatan, menjadikan kepimpinannya berprinsip tetapi tidak berpengaruh.

Sintesis antara Emosi dan Nilai Spiritual

Berdasarkan keseluruhan petikan, dapat disimpulkan bahawa keseimbangan emosi Imam Haji Mihad tidak stabil. Beliau mempunyai kesedaran moral dan motivasi spiritual yang tinggi, tetapi kekurangan empati dan kemahiran sosial menjadikan nilai-nilai Islam yang dibawanya kurang berkesan di peringkat masyarakat.

Dalam pandangan Shafie Abu Bakar (2019), kepimpinan Islam yang baik bukan hanya menegakkan hukum dan prinsip, tetapi juga mesti menyentuh jiwa dengan kasih sayang, keikhlasan dan adab. Imam Haji Mihad gagal pada titik ini iaitu beliau berjuang menegakkan agama, tetapi dalam nada yang keras dan egoistik.

Domain (Goleman)	Emosi	Manifestasi dalam Teks	Penilaian Berdasarkan Nilai Islam
Kesedaran diri		Menolak khutbah rasmi kerana yakin lebih memahami agama (Petikan 2)	Ada niat baik, tetapi berbaur ego (kurang tawaduk)
Kawalan diri		Menahan marah & prasangka (Petikan 4)	Positif, berpandukan taqwa, tetapi represi emosi berlebihan
Motivasi		Mengajak umat bekerja keras (Petikan 5)	Baik, menunjukkan amanah dan tanggungjawab sosial
Empati		Gagal memahami jiwa masyarakat (Petikan 6)	Lemah; menyebabkan pemimpin terasing
Kemahiran sosial		Gaya dakwah tidak difahami (Petikan 3)	Lemah; dakwah tanpa hikmah

Secara keseluruhan, Imam Haji Mihad digambarkan sebagai pemimpin berilmu dan berprinsip, namun mengalami krisis keseimbangan antara emosi dan spiritualiti. Beliau memiliki niat dan idealisme Islam yang tinggi, tetapi kelemahan emosi dan komunikasi menyebabkan mesej dakwahnya gagal diterima masyarakat.

Dengan kata lain, *akalnya bijak, tetapi jiwanya tegang*. Gabungan teori Goleman dan prinsip kepimpinan Islam menunjukkan bahawa keberkesanan kepimpinan bukan hanya bergantung pada ilmu dan ketegasan, tetapi juga pada empati, kebijaksanaan emosi dan kasih sayang.

PERBINCANGAN

Konflik Psikologi sebagai Asas Krisis Kepimpinan

Krisis kepimpinan yang digarap oleh Shahnnon Ahmad dalam novel *Imam* memperlihatkan pertentangan yang rumit antara idealisme keagamaan, ego kepimpinan dan tuntutan sosial masyarakat Islam moden. Berdasarkan dapatan bagi kedua-dua objektif kajian, watak Imam Haji Mihad bukan sahaja berfungsi sebagai imam masjid, tetapi juga sebagai lambang kepada tekanan psikologi dan spiritual seorang pemimpin agama. Melalui kerangka teori gabungan iaitu Psikoanalisis Freud (1936), Kecerdasan Emosi Goleman (1995), dan Prinsip Kepimpinan Islam (Shafie Abu Bakar, 2019) yang jelas bahawa konflik yang dialami Imam berpunca daripada ketidakseimbangan antara ego dan amanah, serta ketegangan antara akal dan jiwa.

Helah Bela Diri dan Pertembungan Ego dengan Iman

Berdasarkan objektif pertama, dapatan menunjukkan bahawa Imam Haji Mihad menggunakan pelbagai helah bela diri (defense mechanisms) seperti *rasionalisasi*, *penafian*, *projeksi*, dan *sublimasi* bagi mempertahankan imej dirinya sebagai pemimpin agama yang tegas dan bermaruah. Menurut Freud, helah bela diri merupakan tindak balas bawah sedar yang timbul apabila seseorang berdepan tekanan moral atau konflik dalaman yang mengancam identiti diri. Dalam konteks Imam, tekanan ini muncul apabila prinsip keagamaan yang dipegang tidak selari dengan realiti masyarakat yang statik dan birokratik.

Sebagai contoh, dalam petikan yang memperlihatkan Imam menolak teks khutbah rasmi pihak berkuasa agama, tindakan tersebut kelihatan berpaksikan reformasi keilmuan, tetapi secara psikologi mencerminkan penafian terhadap autoriti agama yang lebih tinggi. Hal ini menggambarkan bagaimana ego Imam berusaha menegakkan autoriti moralnya sendiri. Begitu juga dengan tindakan rasionalisasi dalam petikan yang lain iaitu apabila Imam menjustifikasi tindakannya dengan hujah agama yang sebenarnya berfungsi untuk melindungi maruah dirinya daripada kegagalan diterima oleh masyarakat. Freud menegaskan bahawa rasionalisasi seperti ini hanya melegakan ego secara sementara, namun dalam konteks kepimpinan, ia boleh menimbulkan krisis keaslian moral.

Pandangan ini disokong oleh Arba'ie Sujud et al. (2015) yang menegaskan bahawa Shahnnon Ahmad menggambarkan pemimpin dalam *Imam* sebagai manusia yang “benar tetapi keras.” Imam Haji Mihad tidak jahat, tetapi terperangkap dalam pergelutan antara niat suci dan keangkuhan rohani. Maka, helah bela diri yang digunakan bukan tanda kelemahan peribadi semata-mata, tetapi merupakan simbol krisis kepimpinan Islam moden iaitu pemimpin berjuang mempertahankan kebenaran agama, namun terperangkap dalam keinginan mempertahankan ego.

Ketidakseimbangan Emosi dan Kelemahan Empati

Dapatan bagi objektif kedua pula memperlihatkan bahawa walaupun Imam Haji Mihad memiliki kesedaran moral dan motivasi spiritual yang tinggi, beliau gagal mengekalkan keseimbangan emosi dalam interaksi sosialnya. Berdasarkan teori Goleman (1995), kecerdasan emosi terdiri daripada lima domain utama: kesedaran diri, kawalan diri, motivasi, empati dan kemahiran sosial. Imam Haji Mihad menunjukkan kekuatan dalam dua domain pertama iaitu kesedaran dan kawalan diri tetapi kelemahan yang ketara dalam empati dan kemahiran sosial.

Sebagai contoh, dalam petikan yang menggambarkan masyarakat meminta beliau berdoa agar hujan turun, Imam menolak permintaan itu dan sebaliknya mengajak mereka membina sistem irigasi. Meskipun tindakan ini berpaksikan prinsip Islam tentang ikhtiar, namun pendekatannya terlalu rasional dan kurang menyentuh hati masyarakat. Kelemahan ini menunjukkan bahawa beliau gagal menilai emosi dan latar budaya masyarakat yang masih terikat dengan adat spiritual. Menurut Goleman, pemimpin yang berkesan bukan hanya menegakkan rasionaliti, tetapi juga mampu menyelami perasaan dan kebimbangan orang lain.

Keadaan ini turut diulas oleh Nordiana Hamzah et al. (2024) yang mendapati bahawa Imam dalam *Imam* mempunyai motivasi dan keikhlasan rohani yang tinggi, tetapi kekurangan empati menyebabkan mesej

dakwahnya tidak diterima dengan baik. Maka, krisis kepemimpinan yang dialami Imam Haji Mihad berpunca daripada jurang emosi antara dirinya dan masyarakat, bukan daripada kelemahan intelektual atau moral. Shahnnon Ahmad dengan halus menegur bahawa seorang pemimpin Islam tidak akan berjaya memimpin umat jika gagal memahami hati umat itu sendiri.

Kegagalan Menyatukan Ilmu dan Hikmah

Kelemahan empati yang ditunjukkan oleh Imam Haji Mihad mencerminkan kegagalan dalam menyatukan ilmu dengan hikmah, dua unsur utama dalam kepemimpinan Islam. Berdasarkan Prinsip Kepimpinan Islam (Shafie Abu Bakar, 2019), pemimpin mesti berpegang kepada *amanah*, *adil*, *taqwa*, dan *ihsan*. Imam Haji Mihad jelas mempunyai sifat amanah dan adil. Beliau berusaha melaksanakan tanggungjawab dengan penuh kesungguhan dan menolak sikap malas dalam kalangan masyarakat. Namun, beliau gagal menonjolkan *ihsan*, iaitu kelembutan, kasih sayang dan empati yang menjadi inti kepada kepimpinan berakhlak.

Dalam hal ini, Imam dilihat adil tanpa kasih, berilmu tanpa hikmah. Beliau menegaskan kebenaran, tetapi kehilangan seni dalam menyampaikan kebenaran tersebut. Akibatnya, mesej dakwahnya gagal menyentuh hati masyarakat dan sebaliknya mencetuskan salah faham. Situasi ini membayangkan bahawa Shahnnon Ahmad cuba menggambarkan bentuk kepimpinan Islam yang pincang iaitu bukan kerana kerosakan moral, tetapi kerana ketegangan antara intelek dan jiwa. Seorang pemimpin boleh benar secara hukum, tetapi salah dari segi perasaan.

Integrasi Freud, Goleman dan Islam menzahirkan Kepimpinan Psikospiritual

Apabila teori Freud dan Goleman digabungkan dengan prinsip kepimpinan Islam, maka dapat dilihat bahawa Shahnnon Ahmad membina watak Imam Haji Mihad sebagai pemimpin yang berfungsi dalam dua lapisan psikologi iaitu lapisan bawah sadar dan lapisan sadar. Di bawah sadar, Imam menggunakan helah bela diri untuk mengekalkan harga diri dan kestabilan ego (Freud), sementara di tahap sadar, beliau berusaha menampilkan ketegasan, rasionaliti dan motivasi (Goleman). Namun, dalam kedua-dua lapisan ini, beliau gagal menyeimbangkan dimensi spiritual iaitu *taqwa* dan *ihsan* yang seharusnya mengawal akal dan emosi.

Gabungan tiga kerangka teori ini memperlihatkan pembentukan satu model kepimpinan psikospiritual, iaitu kepimpinan yang berasaskan iman, dikawal oleh emosi yang stabil, dan dipandu oleh kesedaran moral. Namun dalam diri Imam Haji Mihad, model ini gagal berfungsi dengan sempurna. Beliau memiliki iman yang kukuh, tetapi egonya terlalu dominan; memiliki niat baik, tetapi kekurangan kelembutan; memiliki ilmu agama, tetapi kehilangan kesabaran sosial. Maka, Shahnnon Ahmad melalui watak ini sebenarnya sedang mengkritik krisis kepimpinan Islam kontemporari yang sarat dengan ketegasan hukum tetapi miskin hikmah kemanusiaan.

Secara keseluruhannya, kedua-dua dapatan kajian membuktikan bahawa krisis kepimpinan dalam *Imam* bukan berpunca daripada kejahilan atau kezaliman, tetapi daripada konflik batin seorang pemimpin Islam yang berjuang menyeimbangkan idealisme agama dengan realiti sosial. Helah bela diri yang digunakan Imam menunjukkan bagaimana tekanan moral dan tanggungjawab spiritual boleh menjerumuskan pemimpin kepada pertarungan ego, sementara ketidakseimbangan emosi pula memperlihatkan kegagalan pemimpin untuk berempati dan berkomunikasi secara hikmah.

Shahnnon Ahmad menampilkan Imam Haji Mihad sebagai simbol pemimpin yang benar tetapi terasing, berani tetapi gelisah, berilmu tetapi tidak tenang. Dalam hal ini, *Imam* bukan sekadar karya dakwah, tetapi juga teks psikospiritual yang mendalam, mendedahkan sisi manusiawi seorang pemimpin agama yang berjuang antara akal dan hati.

Kajian ini menyimpulkan bahawa keseimbangan kepimpinan Islam hanya dapat dicapai apabila ego dikawal oleh *taqwa*, dan emosi dipandu oleh hikmah. Kepimpinan sejati bukan sekadar tentang kuasa dan hukum, tetapi tentang keupayaan memahami jiwa manusia dengan kasih dan empati.

KESIMPULAN

Kajian ini meneliti aspek helah bela diri dan keseimbangan emosi dengan spiritual dalam diri watak Imam Haji Mihad dalam novel *Imam* karya Shahnnon Ahmad melalui gabungan Teori Psikoanalisis Freud (1936), Teori Kecerdasan Emosi Goleman (1995) dan Prinsip Kepimpinan Islam (Shafie Abu Bakar, 2019). Hasil analisis mendapati bahawa Shahnnon Ahmad telah membentuk watak Imam bukan sekadar sebagai tokoh agama, tetapi sebagai simbol manusia berjiwa pemimpin yang berperang dengan diri sendiri.

Melalui objektif pertama, kajian mendapati Imam Haji Mihad menggunakan beberapa bentuk helah bela diri seperti *rasionalisasi*, *penafian*, *projeksi*, dan *sublimasi* untuk menyesuaikan diri dengan konflik sosial dan moral yang dihadapinya. Helah ini berfungsi untuk melindungi ego kepimpinan daripada rasa bersalah atau kegagalan, namun pada masa yang sama memperlihatkan ketidakseimbangan antara idealisme agama dan realiti sosial. Imam tidak menggunakan helah bela diri semata-mata untuk menipu diri, tetapi sebagai strategi psikologi untuk mempertahankan prinsipnya di tengah-tengah tekanan sosial dan birokratik. Hal ini menjadikan watak Imam lambang pemimpin agama moden yang benar, tetapi terbeban oleh konflik batin.

Bagi objektif kedua, dapatan menunjukkan bahawa keseimbangan antara emosi, ego dan nilai spiritual dalam diri Imam Haji Mihad tidak stabil. Walaupun beliau mempunyai kesedaran moral dan motivasi yang tinggi, kegagalannya memahami emosi masyarakat serta kelemahan dalam empati dan komunikasi menyebabkan mesej dakwahnya gagal diterima dengan baik. Imam berpegang pada nilai amanah dan keadilan, tetapi kehilangan dimensi *ihsan* iaitu kasih sayang dan kebijaksanaan berakhlak yang menjadi inti kepada kepimpinan Islam. Keadaan ini selaras dengan teori Goleman (1995) yang menegaskan bahawa pemimpin yang cemerlang bukan hanya memiliki rasionaliti, tetapi juga keupayaan mengurus emosi secara harmoni.

Apabila kedua-dua dapatan digabungkan, jelas bahawa krisis kepimpinan dalam novel *Imam* berpunca daripada ketegangan antara ego dan iman, antara rasionaliti dan empati. Shahnnon Ahmad melalui naratif Imam Haji Mihad menegaskan bahawa kelemahan pemimpin Islam tidak terletak pada ilmu agama atau niat, tetapi pada kegagalan menyeimbangkan akal, emosi dan spiritual. Novel ini, dengan demikian, memperlihatkan wajah kemanusiaan seorang pemimpin yang tidak maksum, tidak sempurna, tetapi tetap berjuang untuk menegakkan kebenaran dalam dunia yang tidak memahami perjuangannya.

Kajian ini memberikan beberapa sumbangan penting dari segi teori, praktikal, dan wacana kesusasteraan Islam. Pertama, dari segi teori, kajian ini memperluas horizon kritikan sastera Melayu dengan memperkenalkan gabungan kerangka Psikoanalisis Freud dan Teori Kecerdasan Emosi Goleman dalam menilai karya berunsur keagamaan. Pendekatan ini melangkaui analisis moralistik tradisional dengan menyingkap lapisan bawah sedar dan dinamika emosi watak sebagai cerminan kepada jiwa kepimpinan Islam yang kompleks. Gabungan teori Barat dan Islam ini membuktikan bahawa ilmu psikologi moden dan nilai spiritual Islam tidak saling bertentangan, sebaliknya saling melengkapi dalam memahami manusia secara holistik.

Kedua, dari sudut praktikal, kajian ini menegaskan kepentingan keseimbangan antara ketegasan dan empati dalam kepimpinan Islam. Imam Haji Mihad dijadikan contoh pemimpin yang berani memperjuangkan kebenaran, tetapi kehilangan sentuhan hati terhadap pengikutnya. Dapatan ini relevan untuk konteks kepimpinan kontemporari sama ada dalam organisasi keagamaan, pendidikan, atau pentadbiran awam — bahawa ilmu tanpa empati dan disiplin tanpa kasih tidak akan melahirkan keberkesanan kepimpinan.

Ketiga, dari perspektif kesusasteraan Islam, kajian ini mengangkat *Imam* sebagai teks yang menyeimbangkan antara kritikan sosial dan renungan rohani. Shahnnon Ahmad menulis bukan untuk mengajar dogma, tetapi untuk mengajak pembaca merenung semula hakikat kepimpinan berasaskan iman. Dengan menggunakan teori psikologi, kajian ini membuka tafsiran baharu terhadap *Imam* sebagai novel psikospiritual yang merakam perjalanan batin seorang pemimpin dalam mencari keseimbangan antara akal dan jiwa.

Oleh itu, cadangan kajian lanjutan boleh meneliti aspek gender dan psikologi kepimpinan wanita dalam sastera Islam. Teks-teks seperti *Ranjau Sepanjang Jalan* atau karya A. Samad Said boleh dibandingkan bagi menilai peranan emosi dan spiritualiti dalam konteks kepimpinan bukan agama.

Kedua, penyelidikan masa hadapan boleh menggunakan pendekatan analisis naratif berasaskan teori psikospiritual Islam, seperti konsep *tazkiyah al-nafs* (penyucian jiwa) dan *mujahadah al-nafs* (perjuangan diri). Pendekatan ini dapat menambah sudut pandang yang lebih selaras dengan epistemologi Islam dalam memahami konflik batin dan ego pemimpin.

Ketiga, kajian komparatif antara *Imam* dan karya Islamik kontemporari seperti *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (HAMKA) atau *Tok Guru* (Siti Zaleha M. Hashim) boleh dilakukan untuk melihat persamaan tema krisis kepimpinan rohani dalam pelbagai konteks budaya dan zaman. Ini bukan sahaja memperkukuh korpus kesusasteraan Islam, tetapi juga memperkayakan model kepimpinan psikospiritual Melayu- dengan Islam.

Secara keseluruhan, novel *Imam* merupakan refleksi mendalam tentang jiwa pemimpin Islam yang bergelut antara amanah dan ego. Shahnnon Ahmad melalui watak Imam Haji Mihad memperingatkan bahawa kekuatan sebenar seorang pemimpin bukan pada ketegasan hukum, tetapi pada keseimbangan antara akal, hati dan iman.

Kajian ini menegaskan bahawa seorang pemimpin yang berilmu tetapi kehilangan empati akan mudah terasing daripada umatnya, manakala pemimpin yang beremosi tanpa disiplin ilmu akan mudah goyah dalam prinsipnya. Justeru, kepimpinan Islam yang unggul memerlukan penyatuan antara kecerdasan akal, kecerdasan emosi dan kecerdasan rohani.

Dengan kesedaran ini, mesej Shahnnon Ahmad dalam *Imam* tetap relevan hingga kini iaitu bahawa membina kepimpinan Islam bermula dengan memimpin diri sendiri, menundukkan ego di hadapan Tuhan, dan memimpin manusia dengan kasih serta hikmah. Itulah hakikat sebenar kepimpinan dalam Islam iaitu bukan kekuasaan, tetapi amanah yang menguji keseimbangan jiwa.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini telah dijalankan di bawah FRGS/1/2018/SSI02/UPSI/02/1 yang disediakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris yang membantu menguruskan geran tersebut.

RUJUKAN

- Arba'ie Sujud, S., Razak, S., & Adawiyah, S. R. (2015). *Pemikiran politik: Pemimpin dan kepimpinan dalam novel Shahnnon Ahmad*. Universiti Malaysia Kelantan Institutional Repository. <https://discol.umk.edu.my/id/eprint/14423>
- Awang, H. (1988). *Kritikan kesusasteraan: Teori dan penulisan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cramer, P. (1998). *Defensiveness and defense mechanisms*. *Journal of Personality*, 66(6), 879–915. Wiley Online Library
- Freud, S. (1936). *The Ego and the Mechanisms of Defense*. London: Hogarth Press.
- Goleman, D. (1995). *Emotional intelligence: Why it can matter more than IQ*. New York, NY: Bantam Books.
- Hamzah, N., & Wahid, A. (2017). *Emosi takut dalam Hujan Sudah Teduh Zaharah Nawawi*. *Jurnal Peradaban Melayu*, 12, 57–70. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/2354>
- Hamzah, N., & Che Baharudin, N. A. S. (2022). Struktur Binaan Kerangka Model Emosi Watak Protagonis Wanita Berdasarkan Novel Popular dan Realiti, *Rumpun: Jurnal Persuratan Melayu*, 0(1), 45–58.

- Hamzah, N., Baharum, H., & Mohd, F. H. (2024). Emotional analysis of the leader in the *Imam* novel based on Daniel Goleman's theory of emotional intelligence. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 16(2), 88–99.
<https://doi.org/10.37134/perspektif.vol16.2.8.2024>
- Hasan, M. Y. (2013). *Kepimpinan dalam sastera Melayu dan Islam: Antara etika dan kuasa*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Miharja, N. M. (2014). Voice of Islamic Moderation from the Malay World: By Mohd Kamal Hassan (Perak, Malaysia: Emerging Markets Innovative Research, 2011. 358 pages.). *American Journal of Islam and Society*, 31(4), 108–111. <https://doi.org/10.35632/ajis.v31i4.1070>
- Shafie Abu Bakar. (2019). *Sastera Islam dan Kepimpinan Umat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnnon Ahmad. (1995). *Imam*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Vaillant, G. E. (1992). *Ego mechanisms of defense: A guide for clinicians and researchers*. American Psychiatric Press. Wise Brain.
- Yaapar, M. S. (1995). *Mysticism and poetry: A hermeneutical reading of the poems of Amir Hamzah*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.